



**KOLEJ MATRIKULASI MELAKA**  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
78300 MASJID TANAH,  
**MELAKA.**

Tel : 06-3832000

Fax : 06-3847190

Laman Web: [www.kmm.matrik.edu.my](http://www.kmm.matrik.edu.my)



**CERTIFIED TO ISO 9001:2015**

**CERT.NO. : QMS 01650**

# PANDUAN LENGKAP PENDAFTARAN PELAJAR KMM

## TINDAKAN SEBELUM HARI PENDAFTARAN

### 1. MUAT TURUN DOKUMEN BMKPM

- Memuat turun dokumen dan mencetak daripada semua dokumen selepas klik setuju terima di laman sesawang **BAHAGIAN MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** <https://matrikulasi.moe.gov.my> iaitu ;

1. Surat Tawaran (Sila cetak)
2. Panduan Pendaftaran Pelajar Program Matrikulasi KPM Sesi 2022/2023 (Sila cetak)
3. Maklumat Diri Pelajar (Sila Cetak)
4. Akuan Persetujuan Ibu/ Bapa (Sila Cetak)
5. Pengakuan Bebas Dadah (Sila Cetak)
6. Rekod Kesihatan Pelajar (Sila cetak)
7. Borang Pengisytiharan Kesihatan Covid-19 (Sila cetak)
8. Panduan Mengisi Borang Perjanjian (Sila cetak)
9. Borang Perjanjian Pembiayaan (Sila Cetak 2 Salinan)
10. Pengesahan Pendapatan (Sila Cetak)
11. Akuan Pendapatan (Sila Cetak)
12. Elaun Murid Berkeperluan Khas (Sila Cetak Jika berkaitan)
13. Buku Peraturan Pelajar BMKPM
14. Soalan Lazim
15. Prospektus Program Matrikulasi KPM
16. Surat Aku Janji Pelajar (Sila cetak)
17. Senarai Semak Dokumen Pendaftaran Pelajar Baharu Program Matrikulasi KPM (Sila Cetak)

- *(Semua dokumen di atas tertakluk kepada Website BMKPM)*

## 2. MUAT TURUN DOKUMEN KMM

- Memuat turun dokumen dan mencetak daripada laman sesawang KOLEJ MATRIKULASI MELAKA ([www.kmm.matrik.edu.my](http://www.kmm.matrik.edu.my)) iaitu ;
  1. Panduan Lengkap Pendaftaran Pelajar KMM (Sila cetak)
  2. Slip Pendaftaran Pelajar, Blok Asrama dan Slot Masa Pendaftaran (Sila cetak). Slip ini hanya boleh di cetak selepas anda membuat pendaftaran *online* (dalam talian).
  3. Pelan Lalu lintas Pendaftaran (Sila cetak)
  4. Carta Alir Pendaftaran (Sila cetak)
  5. Senarai semak (Sila cetak)

## 3. PEMBAYARAN YURAN

- Bawa Surat Tawaran yang telah dimuat turun dan dicetak ke mana-mana kaunter cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi membuat pembayaran yuran.
- Bayar Yuran Pendaftaran secara "bank in" di mana-mana kaunter cawangan Bank Simpanan Nasional atas nama :-

### KOLEJ MATRIKULASI MELAKA

di nombor akaun : 0410029000361946 mengikut jumlah yang telah ditetapkan seperti dalam surat tawaran.

- Kaedah tambahan bayaran yuran selain daripada di kaunter BSN boleh rujuk dalam Panduan Pendaftaran Pelajar Program Matrikulasi KPM Sesi 2022/2023 yang telah dimuat turun dari laman sesawang **BAHAGIAN MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** <https://matrikulasi.moe.gov.my>

#### 4. PENDAFTARAN *ONLINE* (DALAM TALIAN) & MEMUAT NAIK GAMBAR

- Wajib membuat pendaftaran secara *Online (dalam talian)* melalui pautan <http://mis.kmm.matrik.edu.my/online> sebelum **23 Julai 2022**.
- Hanya pelajar yang telah membuat pendaftaran secara *online* (dalam talian) sahaja akan menerima slip pendaftaran, blok asrama dan slot masa pendaftaran. Dokumen tersebut perlu dibawa semasa hari pendaftaran.
- Patuhi tarikh daftar dan slot masa pendaftaran kerana proses pendaftaran akan dilakukan di blok berkenaan mengikut slot masa.
- Muat naik **gambar formal** berwarna berukuran *passport* semasa membuat pendaftaran secara *online*.
- **Gambar swafoto (Selfie) TIDAK DIBENARKAN.**

#### 5. MEMBUKA AKAUN BANK RAKYAT BAGI TUJUAN BANTUAN SARA HIDUP PELAJAR (BSHP) JIKA LAYAK

- Membuka akaun di Bank Rakyat bagi tujuan BSHP bagi pelajar yang layak jika belum mempunyai akaun Bank Rakyat.
- Pastikan akaun Bank Rakyat adalah **AKTIF** dan **BUKAN AKAUN BERSAMA.**
- Tampil salinan muka depan dokumen/slip yang tertera no. akaun Bank Rakyat di Borang KMM01 (boleh dimuat turun daripada laman sesawang KMM [www.kmm.matrik.edu.my](http://www.kmm.matrik.edu.my))
- Buat beberapa salinan untuk tujuan simpanan pelajar.

## 6. BORANG PERJANJIAN PENGAMBILAN & PEMBIAYAAN PELAJAR

- Mencetak 2 set Borang Perjanjian daripada Laman Sesawang Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://matrikulasi.moe.gov.my>
- Melengkapkan Borang Perjanjian Pengambilan dan Pembiayaan Pelajar Matrikulasi.
- Sila semak panduan mengisi borang Perjanjian Pengambilan dan Pembiayaan Pelajar dan telah dimuat turun daripada Laman Sesawang Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://matrikulasi.moe.gov.my>.
- Membeli setem hasil RM10.00 x 2 keping di pejabat Pos atau LHDN.
- Mematikan setem hasil di cawangan pejabat LHDN berdekatan.

## 7. INSTALL APLIKASI TELEGRAM

- Pihak Kolej Matrikulasi Melaka telah menyediakan satu medium penyampaian maklumat rasmi kepada ibu bapa dan pelajar.
- Medium ini bertujuan untuk membolehkan ibubapa dan pelajar mendapat maklumat dari pihak kolej secara terus dan mudah seperti maklumat tentang hari pendaftaran pelajar, takwim kolej, aktiviti pelajar, tarikh peperiksaan, peraturan kolej dan sebagainya.
- Sila ikuti langkah berikut untuk memuat naik aplikasi tersebut :-
  - *Install* aplikasi Telegram dalam telefon pintar
  - Cari Channel “**Info Rasmi Pelajar KMM 2022/2023**”
  - Klik “**Join**”
  - Selesaiatau
- Klik pautan <https://t.me/InfoRasmiPelajarKMM20222023>

## 8. BANTUAN ZAKAT (JIKA ADA)

- Sila serahkan 1 salinan surat daripada pejabat zakat sebagai bukti penerima zakat di Pejabat HEP

## 9. ELAUN MURID KHAS (EMK)

- Sila muat turun Borang Elaun Murid Khas (EMK) di laman sesawang **BAHAGIAN MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
<https://matrikulasi.moe.gov.my>
- Sila buat satu salinan dokumen berikut :-
  - Kad OKU
  - Salinan Kad Pengenalan
  - Salinan no akaun yang aktif
- Serahkan kepada pihak HEP (waktu pejabat)

## 10. PELAJAR YATIM/ PIATU

- Pelajar yang berkenaan sila isi GF yang telah disediakan seperti di bawah ini :-  
<https://forms.gle/hzZrJ34BFvUs5o4W9>

## 11. IMBAS BORANG ISYTIHAR TAHAP KESIHATAN BERKAITAN WABAK COVID-19

- Ibu Bapa dan pelajar perlu imbas 1 hari sebelum hari ke kolej



# **TINDAKAN SEMASA HARI PENDAFTARAN**

## **ARAHAN UMUM**

1. Patuhi masa pendaftaran kerana proses pendaftaran akan dilakukan di blok berkenaan mengikut masa yang telah ditetapkan.

<b>TARIKH/ HARI</b>	<b>PELAJAR</b>	<b>SLOT MASA</b>	<b>MASA</b>	<b>BLOK ASRAMA</b>
25 JULAI 2022  (ISNIN)	SEMUA PELAJAR BAHARU	1	9.00 – 10.15 pagi	A1, B2 & C2
		2	10.15 – 11.45 pagi	A2, A3 & C4
		3	11.45 pagi – 1.00 tengah hari	B1, B3 & C1
		4	2.00 – 3.30 petang	A4, B5 & C3
		5	3.30 – 4.30 petang	A5, C5, S1, S2, D2, D3 & E
29 JULAI 2022  (JUMAAT)	SEMUA PELAJAR SES TAHUN KEDUA	1	9.00 pagi – 6.30 petang	SILA HADIR KE PEJABAT UNIT HEP UNTUK URUSAN PENDAFTARAN DAN PENGAMBILAN KUNCI ASRAMA

2. Cetak slip pendaftaran *online* (dalam talian) dan tunjukkan semasa membuat pendaftaran.
3. Letak slip daftar yang tertera Blok Asrama di *dashboard* kereta semasa masuk dalam kawasan kolej.
4. Cetak dan rujuk pelan lalu lintas di [www.kmm.matrik.edu.my](http://www.kmm.matrik.edu.my) semasa hari pendaftaran.
5. Blok asrama adalah muktamad.
6. Patuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh pihak KMM dari semasa ke semasa.

7. Ibu bapa tidak dibenarkan naik ke blok asrama.
8. Gerai menjual barang kemudahan dan makanan disediakan di ruang parkir. Pelajar dan waris dijemput hadir ke tapak gerai selepas selesai membuat pendaftaran.
9. Imbas QR Code Pendaftaran Pelajar Baharu Program Matrikulasi KPM Sesi 2022/2023 :-

**KOD QR PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU**  
**PROGRAM MATRIKULASI KPM**  
**SESI 2022/2023**


**ARAHAN: Pelajar wajib mengimbas Kod QR di bawah pada hari pendaftaran anda.**



Pautan: <https://tinyurl.com/DaftarKMKPM>

**ETIKA PAKAIAN PELAJAR  
PENDAFTARAN (LELAKI)**

**SEMASA HARI**



**ETIKA PAKAIAN PELAJAR  
PENDAFTARAN (PEREMPUAN)**

**SEMASA HARI**

